

SEKILAS-INFO


Pusat Perancangan Strategik, Pengurusan Kualiti dan Risiko

BULETIN KUALITI, STRATEGI & RISIKO

SQRC
Strategy Quality Risk Centre

Edisi Ke-12 | 16 Dis 2021 | Bil.47

QS ASIA UNIVERSITY RANKINGS 2022: UNIMAS melonjak ke-227



Kota Samarahan : Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) berjaya memperbaiki rekod pencapaian dalam **QS Asia University Rankings 2022** apabila disenaraikan berada pada kedudukan **=227**. Pencapaian ini sekaligus adalah yang terbaik bagi tempoh lima (5) tahun kebelakangan.

Pengumuman rasmi edisi tahunan terbaru kedudukan universiti dan institusi pendidikan di Asia oleh pihak Quacquarelli Symonds (QS) yang berpangkalan di United Kingdom (UK) dibuat dalam satu kenyataan pada 2 November 2021. Ini merupakan tahun kesembilan berturut-turut UNIMAS berjaya disenaraikan dalam penarafan QS Asia University Rankings sejak tahun 2013.

QS Asia University Rankings adalah salah satu penarafan (ranking) antarabangsa yang telah diperkenalkan oleh syarikat Quacquarelli Symonds (QS) sejak tahun 2009. UNIMAS telah mula disenaraikan dalam penarafan Asia University Rankings ini pada tahun 2013 di kedudukan #181-190.

Terdapat 11 indikator penilaian yang digunakan

antaranya ialah Academic Reputation, Employer Reputation, Faculty Student Ratio, Citation per Paper dan International Research Network. Selain itu, turut diambilkira sebagai pemberat ialah Staff with PhD, Citations per Faculty, International Faculty, International Students serta Inbound and Outbound Exchange Students.

Dalam analisa yang dikeluarkan, markah keseluruhan yang diperolehi UNIMAS ialah 22.7. UNIMAS mencatat markah tertinggi bagi **International Faculty** iaitu 83.8 sekaligus merupakan indikator terkuat UNIMAS untuk menempatkannya berada di kedudukan ke-57 di Asia.

Dari segi perbandingan dengan Universiti Awam di Malaysia pula, UNIMAS berada di kedudukan ketiga belas di kalangan sembilan belas Universiti Awam (UA) yang berjaya disenaraikan.

Edisi penarafan terbaru kali ini menyaksikan sebanyak 687 institusi di Asia berjaya disenaraikan dengan 40 daripadanya adalah institusi yang pertama kali memasuki senarai. **Tahniah UNIMAS!**

PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN

PENGARAH :
PROF DR TARMJI MASRON

TIMBALAN PENGARAH :
PROF MADYA DR LEE NUNG KION
DR SHARIZAL HASHIM

PENOLONG PENDAFTAR KANAN :
DAYANG MAZINA AWANG BATU
DAYANG ZULIANA ABG ABD RAHMAN

PENOLONG PEGAWAI TADBIR KANAN :
GUSTINATA BASUAN
ADELINE ANN LUBI

PEN PEG TEK MAKLUMAT KANAN :
MOHD HAIRULNIZAM MOHD ZAMRI

SETIAUSAHA PEJABAT :
NUR AISHAH JORI

PEMBANTU TADBIR KANAN :
NORISA MOHAMAD SAHARI

PEMBANTU TADBIR :
SITI AFIZAH JAMIL
MOHD HAFIZUDDIN SULAIMAN

PEMBANTU OPERASI :
ROZAIMI ANIS





UNIMAS di pentas akhir THE Awards Asia 2021

Kota Samarahan : Buat tahun ketiga berturut-turut, komuniti seterusnya usaha ini UNIMAS berjaya tercalon sebagai finalis di pentas akhir anugerah berprestij **THE Awards Asia 2021** yang berlangsung pada 14 Dis 2021.

Pada tahun ini, UNIMAS berjaya tercalon dalam dua kategori. Salah satunya merupakan kategori utama iaitu **Leadership and Management Team of the Year**. UNIMAS turut berada dalam pencalonan akhir bagi kategori **Teaching and Learning Strategy of the Year**.

Kejayaan pencalonan UNIMAS dalam kategori utama *Leadership and Management Team of the Year* adalah melalui Pusat Kelestarian Universiti (USC) dengan projek *Alpha Water Ultrafiltration* yang dijalankan di SMK Ulu Balingian.

Dengan kejayaan projek tersebut, komuniti di SMK Ulu Balingian kini dapat menikmati sumber air bersih yang dirawat dalam menjalankan aktiviti harian. Mereka sebelum ini hanya bergantung kepada sumber air hujan dan air sungai yang tidak dirawat untuk kegunaan harian sejak lebih 10 tahun.

Ia juga telah meletakkan tumpuan penting kepada

peralihan dan transformasi dalam mengekalkan UNIMAS sebagai jenama diiktiraf dan global.

Sementara itu, bagi kategori *Teaching and Learning Strategy of the Year* pula, UNIMAS tercalon ke peringkat akhir melalui inisiatif oleh Pusat Pembelajaran Gunaan dan Multimedia (CALM) dengan pendekatan 3E - *Engagement, Enrichment, Encouragement* yang menyokong aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) semasa pandemik COVID-19 melalui pelantar *e-Learning Enrichment and Advancement Platform* (eLEAP) yang dibangunkan oleh UNIMAS.

Pihak THE Awards Asia juga mengiktiraf inisiatif ini apabila ianya menerima "Highly Commended" daripada barisan juri. Sememangnya UNIMAS melalui CALM telah melakukan usaha yang ketara dalam menambahbaik aktiviti PdP terutamanya semasa wabak.

eLEAP telah menjadi hub sehenti yang memperkenalkan pelbagai kemahiran penyampaian dalam talian serta penilaian alternatif.

Sekalung Tahniah UNIMAS..!



Mesyuarat JSKU Bil.03/2021 Ke-22

Kota Samarahan : Ahli-ahli Jawatankuasa Strategi dan Kualiti UNIMAS (JSKU) telah bersidang dalam Mesyuarat JSKU Bil.03/2021 Ke-22 pada 22 Nov 2021 secara hibrid. Mesyuarat kali ini adalah yang terakhir untuk tahun 2021.



Antara agenda mesyuarat ialah pembentangan laporan audit Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) bagi tahun 2021.

Mesyuarat turut menerima maklum laporan perancangan dan projek strategik yang melibatkan pembentangan pencapaian Pelan Strategik UNIMAS dan pemakluman keputusan penarafan THE dan QS Asia University Rankings 2022.

Kunjungan Mesra Ketua Pengarah Perangkaan Malaysia


Kota Samarahan : SQRC telah berbesar hati menerima kunjungan tidak rasmi rombongan dari Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics Malaysia) pada 29 Nov 2021.



Ketibaan rombongan tersebut yang diketuai oleh Ketua Pengarah Perangkaan Malaysia, YBhg Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin telah disambut dan diberi taklimat ringkas oleh Pengarah SQRC, Prof Dr Tarimiji Masron. Turut serta dalam kunjungan mesra ini adalah Pengarah Perangkaan Negeri Sarawak, Pn Dayang Rozana bt Abang Hassan.

Taklimat Penyediaan & Penghantaran Data MyMoHeS Modul Pelajar

Kota Samarahan : SQRC telah menyelaras satu taklimat kepada semua pemilik data dan pembangun sistem bagi persemaian penghantaran data MyMoHeS. Taklimat dijalankan melalui aplikasi webex pada 1 Disember 2021.



Penyediaan dan penghantaran data bagi cut off date 30 November 2021 ini adalah bagi Modul Pelajar sahaja.

Data-data ini akan digunakan oleh Kementerian Kewangan bagi tujuan pemberian bantuan pelajar bagi 3 program di bawah inisiatif Belanjawan Tahun 2022 iaitu Program Bantuan Keluarga Malaysia, Program Bantuan Peranti Siswa B40 dan Program e-START.



Konsultasi Pengurusan Risiko Pejabat Pembangunan

Kota Samarahan : Unit Pengurusan Risiko, SQRC telah menerima jemputan Pejabat Pembangunan untuk mengadakan konsultasi pengurusan risiko khusus



untuk Ketua Unit dan para Pegawai di Pejabat Pembangunan. Ia telah dijalankan pada 29 Nov 2021.

Taklimat dan perkongsian maklumat pengurusan risiko telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah (Pengurusan Risiko) dan Penolong Pendaftar Kanan, Unit Pengurusan Risiko.



SQRC Sertai Latihan Pengungsian Bangunan Canselor

Kota Samarahan : Unit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSH) pada 6 Disember 2021 telah menjalankan latihan pengungsian di Bangunan Canselor.



Latihan ini bertujuan untuk memahirkan semua floor warden yang dilantik bagi melakukan proses evakuasi dengan teratur dan terancang sekiranya berlaku sebarang kecemasan.

Latihan di koordinasi oleh On Scene Commander (OSC) En Abdul Halim Hashim dan Deputy On Scene Commander (DOSC) Dr Sharizal Hashim dan disertai PTj Bangunan Canselor.



Kalendar Aktiviti



November 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Coffee Talk: Risk Management in UNIMAS	Risk Management	8/11/2021
2	Surveillance Audit - SIRIM QAS International	QMS ISO 9001:2015 & ISMS IEC 27001:2013	10-12/11/2021
3	THE Impact Rankings 2022	Data Submission to THE	12/11/2021
4	Mesyuarat JSKU	Bil.03/2021 Ke-22	22/11/2021

Disember 2021

BIL	PERKARA	URUSAN / CATATAN	TARIKH
1	Taklimat Penyediaan & Penghantaran Data MyMoheS	Data Modul Pelajar cod 30.11.21 (Data Owner & System Developer)	1/12/2021
2	THE Campus Live Asia	THE	14/12/2021
3	THE Awards Asia 2022	THE	14/12/2021
4	Mesyuarat JKPR	Bil. 03/2021	15/12/2021
5	Penghantaran dan Pengesahan Data MyMoheS	Data Modul Pelajar cod 30.11.21	21/12/2021